

ARAHAN TEMU DUGA & UJIAN KHAS SARJANA MUDA PENDIDIKAN
AMBILAN SESI 1 2025/2026
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1. KOD ETIKA PAKAIAN

BIL.	CALON LELAKI	CALON PEREMPUAN
1.	Bersih dan kemas.	Bersih dan kemas.
2.	Rambut pendek dan kemas.	Rambut diikat kemas jika tidak bertudung.
3.	Hendaklah berkasut dan tidak berselipar.	Hendaklah berkasut dan tidak berselipar.
4.	Berkemeja lengan panjang (<i>tucked in</i>), bertali leher dan berseluar panjang (<i>slack</i>).	Berpakaian sopan dan tidak mencolok mata.

2. SEDIA DAN BAWA DOKUMEN ASAL (ORIGINAL) BERIKUT:

- i. Kad Pengenalan
 - ii. Sijil SPM/ Slip Keputusan SPM
 - iii. Skrol / Surat Tamat Pengajian (Lepasan Diploma/ Setaraf)
 - iv. Transkrip SVM/ Transkrip Diploma/ Sijil @ Transkrip Matrikulasi/ Sijil @ Slip Keputusan STPM/ Sijil @ Slip Keputusan STAM
 - v. Sijil MUET/ Slip Keputusan MUET
 - vi. Sijil Ko Kurikulum/ Penglibatan Tertinggi
- Kegagalan calon membawa dokumen asal akan menyebabkan calon tidak dibenarkan menjalani sesi temu duga.**

3. Susun dokumen dalam fail mengikut turutan seperti di atas.
4. Muat naik salinan dokumen di atas yang telah **DISAHKAN BENAR** di <https://evault.upsi.edu.my/> selewatnya **29 Jun 2025 (Ahad)**.
5. Mengambil tindakan setiap perkara yang telah disenaraikan dalam panduan ringkas calon yang telah disediakan.
6. Calon diminta berada 30 hingga 45 minit lebih awal di lokasi temu duga berdasarkan masa yang telah ditetapkan. Rujuk slip menghadiri temu duga.

7. KEPERLUAN UJIAN KHAS

BIL.	PROGRAM	ARAHAN/ KEPERLUAN				
1.	SMP PENDIDIKAN SENI (AT23)	<p>i. Sediakan Portfolio anda untuk semakan bagi sesi temubual. Kandungan Portfolio bukan sahaja berdasarkan kerja kursus tetapi koleksi karya semasa anda.</p> <p>ii. Calon diminta menyediakan sendiri bahan dan media berikut bagi ujian melukis:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kertas lukisan bersaiz A3 ▪ Pensel 2B/4B/6B ▪ Media kering (boleh digunakan) ▪ Pemadam ▪ Lain-lain alatan melukis yang bersesuaian <p>iii. Panel Ujian Melukis akan menyediakan satu susunan objek mengikut komposisi yang sesuai bagi menilai kemahiran melukis calon.</p> <p>iv. Calon boleh memilih posisi terbaik untuk melukis mengikut kesesuaian.</p>				
2.	SMP MUZIK (AT22)	<p>i. Selain daripada senarai dokumen di perkara 2 calon juga wajib membawa:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Sijil yang berkaitan dengan kemahiran/ pengalaman muzik (jika ada) - diletakkan dalam fail ▪ Calon dikehendaki membawa alat muzik sendiri (hand-instruments) seperti gitar, flute, trumpet, violin, cello, viola, saxophone, ukulele dan alat perkusi. **Pihak urusetia hanya menyediakan piano/keyboard, drum dan guitar amplifier sahaja. ▪ Calon dikehendaki membawa irungan lagu berbentuk MP3 sekiranya memilih untuk menjalani ujian khas pilihan dua (2). <p>ii. Kemahiran Muzik</p> <table border="1"> <tr> <td><i>Pilihan Satu</i></td><td>Bermain alat muzik dua (2) lagu pilihan (berlainan genre/stail); dan menyanyi satu (1) lagu TANPA irungan muzik.</td></tr> <tr> <td><i>Pilihan Dua</i></td><td>Menyanyi tiga (3) lagu pilihan (berlainan genre/ stail) <ul style="list-style-type: none"> • Menyanyi satu (1) lagu TANPA irungan muzik. • Menyanyi dua (2) lagu dengan irungan muzik MP3. (MP3 disediakan oleh calon sendiri). </td></tr> </table>	<i>Pilihan Satu</i>	Bermain alat muzik dua (2) lagu pilihan (berlainan genre/stail); dan menyanyi satu (1) lagu TANPA irungan muzik.	<i>Pilihan Dua</i>	Menyanyi tiga (3) lagu pilihan (berlainan genre/ stail) <ul style="list-style-type: none"> • Menyanyi satu (1) lagu TANPA irungan muzik. • Menyanyi dua (2) lagu dengan irungan muzik MP3. (MP3 disediakan oleh calon sendiri).
<i>Pilihan Satu</i>	Bermain alat muzik dua (2) lagu pilihan (berlainan genre/stail); dan menyanyi satu (1) lagu TANPA irungan muzik.					
<i>Pilihan Dua</i>	Menyanyi tiga (3) lagu pilihan (berlainan genre/ stail) <ul style="list-style-type: none"> • Menyanyi satu (1) lagu TANPA irungan muzik. • Menyanyi dua (2) lagu dengan irungan muzik MP3. (MP3 disediakan oleh calon sendiri). 					

BIL.	PROGRAM	ARAHAN/ KEPERLUAN
		<p>iii. Ujian Lisan</p> <p>Calon akan dinilai dari segi</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Menepuk Ritma ▪ Menyanyi Melodi ▪ Mendengar Pic (Nada tinggi dan rendah)
3.	SMP SAINS SUKAN (AT03) SMP PENDIDIKAN JASMANI (AT59) SMP SAINS KEJURULATIHAN (AT43)	Calon dikehendaki memakai pakaian sukan lengkap beserta kasut sukan untuk menjalani ujian kecergasan fizikal.
4.	SMP TESL (AT06)	Calon diminta membawa alat tulis untuk menjawab ujian bertulis. Calon juga dikehendaki membawa bersama sijil akademik dan sijil kokurikulum termasuk bahan-bahan bercetak lain yang dapat menyokong permohonan ke program ini.
5.	SMP PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (AT19)	Calon dikehendaki menjawab Ujian MyScreen di pautan https://myscreen.upsi.edu.my/ Tarikh Ujian : 22 hingga 29 Jun 2025
6.	SMP (PENDIDIKAN ISLAM) (AT35)	Setiap calon akan ditemuduga berdasarkan set soalan:- i. Soalan berkaitan Tilawah al-Quran; dan ii. Soalan berkaitan Asas Bahasa Arab
7.	SM TAHFIZ AL-QURAN DAN QIRA'AT DENGAN PENDIDIKAN (AT36)	i. Setiap calon akan ditemuduga berdasarkan set soalan: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Soalan berkaitan Tilawah al-Quran. ▪ Soalan berkaitan Hifz Al Quran ▪ Soalan berkaitan Asas Bahasa Arab ▪ Soalan berkaitan Asas Ilmu Qiraat ii. Selain daripada senarai dokumen di perkara 2 calon juga wajib membawa: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Gambar berukuran pasport ▪ Sijil Khatam Hafazan Al Quran 30 Juzuk iii. Muat naik Sijil Khatam Hafazan Al Quran 30 Juzuk ke pautan https://evault.upsi.edu.my/
8.	SMP BAHASA ETNIK (AT63)	i. Calon diminta membawa alat tulis untuk menjawab ujian bertulis. Jawapan perlu ditulis dalam kategori bahasa mengikut calon pemohon iaitu Bahasa Iban atau Bahasa Kadazandusun atau Bahasa Semai.

8. PERINGATAN KEPADA CALON:

Pihak Universiti berhak untuk membatalkan atau tidak meneruskan temu duga seseorang calon sekiranya didapati calon:

- i. Tidak memenuhi syarat kemasukan ke program pengajian yang dipohon (sila rujuk https://kemasukan.upsi.edu.my/?page_id=1121) dan/ atau;
- ii. Memalsukan maklumat dan/ atau;
- iii. Calon adalah pelajar berdaftar di Universiti Awam lain dan/ atau;
- iv. Tidak membawa dokumen asal (original) dan keperluan ujian khas (jika berkaitan).